



## KESAN PENGAMBILAN MAKANAN DALAM MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU MORAL DARI PERSPEKTIF AGAMA KRISTIAN

### [THE EFFECT OF FOOD CONSUMPTION IN INFLUENCING MORAL BEHAVIOR FROM THE PERSPECTIVE OF CHRISTIANITY]

PAW LI HONG<sup>1</sup>, ABU ZARRIN SELAMAT<sup>2</sup>, MIFTACHUL HUDA<sup>3</sup> DAN HAFIZUL FAHRI HANAFI<sup>41\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup> Faculty of Art, Computing and Industry Creative, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.

Corresponding Author: zarrin@fsk.upsi.edu.my

---

Received: 19 June 2021

Accepted: 19 July 2021

Published: 19 August 2021

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan pengambilan makanan dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku moral menurut agama Kristian. Penentuan pemilihan makanan dari segi kualiti dan khasiat, halal dan haram, kebersihan dan juga penampilan makanan bukan sahaja dipengaruhi oleh justifikasi oleh seseorang individu. Justifikasi ini dikaitkan dengan beberapa faktor seperti agama, budaya, maklumat dan gaya hidup. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kepentingan makanan terhadap tubuh badan manusia, mengkaji pandangan Kristian tentang makanan dan kesan pemakanan menurut Kristian terhadap pembentukan akhlak. Sebuah gereja di Tanjung Malim dipilih sebagai lokasi kajian. Kajian ini menggunakan metode kualitatif di mana seramai 3 orang responden yang merupakan pastor di gereja yang terdapat di Tanjung Malim terlibat dalam kajian ini. Data kajian dianalisis dan dipaparkan secara deskriptif. Daripada dapatan kajian, terdapat kesan dari pengambilan makanan terhadap tingkah laku moral menurut agama Kristian. Hasil daripada dapatan kajian, para responden menerangkan bahawa makanan boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang dari pelbagai faktor dan sebab. Selain itu, berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi bukan semua makanan akan memberi pengaruh yang negatif atau menjadikan seseorang itu tidak bertingkah laku baik. Diharapkan dengan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini dapat membantu dalam memberi pengetahuan kepada pembaca berkaitan pengambilan makanan yang boleh mempengaruhi tingkah laku moral menurut agama Kristian. Selain itu, diharapkan agar kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelbagai pihak terutamanya ahli akademik untuk kajian lanjutan pada masa akan datang.

**Kata kunci:** kesan pengambilan makanan, tingkah laku moral dan agama Kristian.

**Abstract:** This study aims to find out the effect of food intake in influencing the formation of moral behavior according to Christianity. The determination of food selection in terms of quality and nutrition, halal and haram, hygiene and also the appearance of food is not only influenced by justification by an individual. This justification is associated with several factors such as religion, culture, information and lifestyle. The objective of this study was to identify the importance of food to the human body, examine the Christian view of food and the effect of nutrition according to Christianity on the formation of morals. A church in Tanjung Malim was selected as the study location. This study uses a qualitative method in which a total of 3 respondents who are pastors in churches in Tanjung Malim were involved in this study. Study data were analyzed and displayed descriptively. From the findings of the study, there

is an effect of food intake on moral behavior according to Christianity. As a result of the findings of the study, the respondents explained that food can influence a person's behavior from various factors and reasons. In addition, based on the results of studies that have been obtained not all foods will have a negative influence or make a person not behave well. It is hoped that the information obtained from the results of this study can help in providing knowledge to readers related to food intake that can influence moral behavior according to Christianity. In addition, it is hoped that this study can be used as a guide to various parties, especially academics for further study in the future.

**Keywords:** effects of food intake, moral behavior and Christianity.

**Cite This Article:**

Paw Li Hong, Abu Zarrin Selamat, Miftachul Huda & Hafizul Fahri Hanafi. 2021. Kesan pengambilan makanan dalam mempengaruhi tingkah laku moral dari perspektif agama Kristian [The effect of food consumption in influencing moral behavior from the perspective of Christianity]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 114-121.

## PENGENALAN

Menurut Mohd Aris (2012), makanan merupakan salah satu keperluan asas manusia. Sekiranya tiada makanan, maka manusia tidak akan dapat meneruskan kehidupan kerana makananlah yang membekalkan tenaga serta nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Makanan yang dimakan bukan sekadar mementingkan kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut bahkan turut mementingkan soal kebersihan dan hukum sama ada halal atau haram. Oleh kerana itu, keprihatinan terhadap pengambilan makanan yang berkhasiat dan menepati kehendak agama adalah sangat penting kerana ianya mengesan kepada pembentukan tingkah laku moral seseorang.

Dalam Islam, manusia perlu melakukan amalan yang telah ditunjukan oleh Nabi Muhammad S.A.W yang sentiasa sederhana dalam semua hal begitu juga soal pemakanan. Islam amat menitikberatkan penjagaan kesihatan sama ada dari segi jasmani mahupun rohani kerana menggabungkan antara kesihatan jasmani dan rohani dapat menjaga keselamatan dan kebahagiaan manusia di dunia dan juga di akhirat. Manusia yang sihat akan dapat memahami dan melaksanakan suruhan dan tanggungjawab kepada tuhan di muka bumi ini (Norkumala Awang, 2006).

Seperti dalam agama Islam, agama Kristian juga menggunakan istilah yang sama dalam mengimbangi pembentukan tingkah laku moral yang dikenali sebagai makanan rohani. Firman Tuhan merupakan salah satu daripada makanan rohani bagi penganut agama Kristian. Dari segi makanan yang dimakan untuk tubuh badan, dalam surah Kejadian ada menyebut bahawa Tuhan memperkenalkan makanan kepada Adam (Kejadian 1:29) di mana Tuhan hanya menyarankan manusia untuk memakan biji-bijian, buah-buahan, makan makanan nabati saja, bukan makan daging haiwan. Dalam surah Matius 15:11 yang bermaksud: "Bukan yang masuk ke dalam mulut yang menajiskan orang, melainkan yang keluar dari mulut, itulah yang menajiskan orang."

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa objektif yang telah dikenal pasti iaitu:

1. Mengenal pasti kepentingan makanan terhadap tubuh badan manusia menurut agama Kristian.
2. Mengkaji pandangan Kristian tentang konsep makanan.
3. Mengkaji kesan pemakanan menurut Kristian terhadap pembentukan tingkah laku moral.

## **KAJIAN LEPAS**

### **Hubungan Makanan dan Pemakanan *Halalan Toyyiba* dengan Akhlak**

Menurut Aemy Liza Minhat (2014), dalam kajiannya yang bertajuk Hubungan Makanan dan Pemakanan *Halalan Toyyiba* Dengan Akhlak. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengamalan ajaran Islam, cabaran makanan dan pemakanan halal serta masalah keruntuhan akhlak masa kini merupakan antara permasalahan utama yang dihadapi oleh umat Islam. Dapatkan kajian berjaya menghasilkan pola konsep *halalan toyyiba*, pola kepentingan *halalan toyyiba*, pola hubungan makanan dan pemakanan *halalan toyyiba* dengan akhlak, serta pola hubungan makanan dan pemakanan haram dan *khabith* dengan akhlak. Hasil daripada pola daptatan dan perbincangan kajian juga telah menghasilkan empat model yang menjadikan kajian ini lebih istimewa dan unik iaitu Model Konsep *Halalan Toyyiba*, Model Hubungan Makanan *Halalan Toyyiba* dengan Akhlak serta Model Hubungan Makanan Haram dan *Khabith* dengan Akhlak.

### **Makanan dan Minuman dalam Perspektif Hukum Islam**

Menurut Huzaemah Tahido Yanggo (2017), dalam kajian beliau yang bertajuk Makanan dan Minuman Dalam Perspektif Hukum Islam. Dalam kajiannya beliau mengatakan bahawa manusia memiliki beberapa keperluan primer. Salah satu keperluan primer manusia adalah makanan dan minuman. Dalam ajaran Islam, makanan dan minuman yang dikonsumsi manusia khususnya umat Islam harus bersifat selektif, yang mana halal sesuai petunjuk Allah dalam al-Qur'an dan penjelasan Nabi Muhammad S.A.W dalam hadis, serta berkualiti *thayyiban*, yang mana makanan yang berguna bagi tubuh, tidak memberi kesan yang tidak baik, tidak menjijikkan, lazat dan tidak bertentangan dengan perintah Allah. Hukum Islam melalui al-Qur'an dan hadis telah menetapkan beberapa jenis makanan dan minuman yang haram dikonsumsi umat Islam, antara lain seperti bangkai, darah, babi, binatang yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah, serta *khamar* (sejenis arak) dan semua jenis minuman yang memabukkan. Makanan dan minuman tersebut diharamkan kerana mengancam jiwa manusia, bertentangan dengan maqasid syariah iaitu, pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*), pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*) dan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dalam *maqasid al-syari'ah*.

## **Faktor Mempengaruhi Produk Halal Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Mahasiswa Muslim**

Menurut Nurul Huda (2017), dalam kajian yang beliau yang bertajuk Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Konsumsi Produk Halal Pada Kalangan Mahasiswa Muslim. Tujuan penelitian ini adalah menguji faktor pengetahuan, sikap, norma subjektif, pengendalian tingkah laku dan komitmen beragama terhadap tingkah laku melalui intensi untuk menggunakan produk halal. Berdasarkan tinjauan literatur, hipotesis penelitian ini menyatakan bahawa pengetahuan, sikap, norma subjektif, pengendalian tingkah laku dan komitmen beragama memberi pengaruh terhadap tingkah laku melalui intensi. Penelitian ini menggunakan data hasil tinjauan dari penyebaran borang soal selidik kepada 150 responden. Teknik pengujian hipotesis dilakukan dengan menggunakan analisis SEM dengan *software Lisrel*. Hasil pengolahan data menunjukkan bahawa variabel Pengetahuan, Sikap, Norma Subjektif, Pengendalian Tingkah Laku dan Komitmen Beragama memiliki pengaruh yang signifikan terhadap perilaku melalui intensi untuk menggunakan produk halal. Variabel intensi memiliki pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku penggunaan produk halal dengan nilai t sebesar 7.14. Variabel Pengendalian Tingkah Laku Dan Komitmen Beragama memiliki pengaruh yang lebih besar terhadap perilaku melalui intensi untuk menggunakan produk halal berbanding variabel yang lain. Saran berdasarkan hasil penelitian: pertama, perlu kesedaran menggunakan produk halal dengan meningkatkan komitmen beragama seseorang. Kedua, perlu ditingkatkan peranan masyarakat baik dari internal (dalaman) maupun eksternal (luaran) dalam mengendalikan perilaku seseorang untuk menggunakan produk halal.

## **Makna Makan dalam Perspektif Alkitab**

Selain itu, terdapat juga satu kajian yang dijalankan oleh Jamin Tanhid (t.th.), kajiannya bertajuk Makna Makan Dalam Perspektif Alkitab. Tujuan kajian ini adalah untuk mengingatkan kembali berkaitan makna makan yang betul menurut ajaran agama Kristian, sehingga dapat mengubah konsep perilaku dan pola makan masyarakat masa kini yang semakin sekular yang turut menular dalam penganut agama Kristian.

Dalam kajian ini mengatakan bahawa urusan makan bukan sekadar membawa makna secara lahiriah sahaja, bahkan ianya membawa kesan juga terhadap perkembangan moral, sosial dan rohani. Hal ini jelas dalam budaya bangsa-bangsa kuno ataupun moden yang sangat menjaga hubungan kekeluargaan dan tradisi keagamaan menerusi budaya makan dan minum.

Sama dengan Alkitab, yang banyak mengajarkan berkaitan moral, sosial dan rohani melalui makan dan minum (yang merupakan sebahagian daripada perjamuan hamba Allah) sebagai lambang persekutuan umat dengan Tuhan. Alkitab dalam Keluaran 24:9-11 mencatat bahawa setelah Tuhan berbicara dengan orang Israel dari atas gunung Sinai dan mengikat perjanjian dengan mereka, maka Musa, Harun, Nadab dan Abihu berserta 70 orang dari Tua-Tua Israel yang diutus mewakili bangsa Israel, menaiki gunung Sinai di mana tempat Allah berada. Di atas gunung ini, mereka makan dan minum sebagai tanda menjalin hubungan baik sesama mereka sekali gus bersekutu dengan Allah. Persekutuan dengan Allah dan sesama orang percaya nampak jelas dalam Alkitab Perjanjian Baru, di mana Jesus sendiri mengingatkan murid-murid dan para pengikut-Nya untuk melakukan Perjamuan Kudus sebagai pesanan untuk

mengenang diri-Nya sekali gus untuk menikmati kehadiran-Nya (Markus. 14:22- 25; Lukas. 22:19-20). Perjamuan Kudus menjadi saranan bagi Allah untuk bersekutu dengan umat-Nya, juga bagi sesama umat-Nya yang bersekutu bersama sebagai satu tubuh iaitu gereja-Nya sehingga menjadi kesaksian iman bagi dunia, sebagaimana dicontohkan dalam kehidupan masyarakat pada zaman mula-mula di Jerusalem yang selalu berkumpul bersama memecahkan roti dan berdoa serta bersekutu bersama (Kisah Para Rasul. 2:42-47).

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini . Lokasi kajian ini adalah di Tanjung Malim dengan melibatkan 3 orang responden yang berpengetahuan tinggi berkaitan dengan agama Kristian. kajian ini melibatkan tiga orang juru khutbah gereja (pastor). Instrumen kajian yang digunakan ialah kaedah temu bual berstruktur di mana ia bersifat formal dan temu bual juga dijalankan berpandukan soalan berstruktur yang telah disediakan oleh. Temu bual yang dijalankan ke atas responden mengandungi dua bahagian. Pada bahagian awal ia memerlukan butiran tentang tarikh, tempat, masa dan biodata responden.

Pada bahagian A dalam protokol ini merupakan peringkat sebelum temu bual itu dijalankan. Penjelasan telah diberikan pada peringkat ini berkaitan dengan objektif kajian, jaminan kerahsiaan, tempoh masa temu bual dan kegunaan data yang dikutip daripada responden kajian kepada responden. Pada bahagian B, ia merupakan bahagian maklumat peserta kajian. Manakala bagi bahagian C pula ia mengandungi soalan-soalan temu bual yang akan diajukan kepada peserta kajian. Akhir sekali adalah bahagian rumusan bagi temu bual yang dijalankan.

## DAPATAN KAJIAN

### **Mengenal Pasti Kepentingan Makanan Terhadap Tubuh Badan Manusia**

Hasil analisis kajian berdasarkan soalan-soalan temu bual yang ditanya kepada responden, ketiga-tiga responden mengetahui kepentingan makanan terhadap badan manusia. Ketiga-tiga responden dapat mengenal pasti makanan yang boleh menyihatkan tubuh badan manusia dan makanan yang diambil memberi kesan terhadap kesihatan tubuh badan manusia. Walaupun terdapat perbezaan dari segi jawapan dan contoh yang diberi tetapi dapat difahami bahawa ketiga-tiga responden memahami bahawa sesuatu makanan yang diambil boleh mempengaruhi tubuh badan manusia sama ada secara mental atau fizikal.

### **Mengkaji Pandangan Kristian Tentang Konsep Makanan**

Analisis kajian berdasarkan soalan-soalan temu bual yang dibuat yang ditanyakan kepada responden sememangnya mempunyai jawapan yang hampir sama kerana responden yang ditemu bual untuk kajian ini merupakan orang yang arif tentang agama Kristian. Hasil dari analisis kajian didapati bahawa dalam agama Kristian tiada makanan yang dilarang untuk dimakan. Hanya dalam Perjanjian Lama iaitu dalam Alkitab yang ada menyatakan sesetengah makanan yang dilarang untuk dimakan. Bagi Perjanjian Lama ini hanya beberapa dinominasi

Kristian yang masih berpegang dengan pantang larang dari segi makanan yang tertulis di dalam Perjanjian Lama. Tetapi jika dilihat dari Perjanjian Baru semua makanan adalah diciptakan oleh Tuhan dan semuanya adalah boleh dimakan tanpa memberi kesan.

### **Mengkaji Kesan Pemakanan Menurut Kristian Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Moral**

Hasil analisis kajian berdasarkan soalan-soalan temu bual yang ditanya dan berdasarkan jawapan yang diterima daripada responden, didapati bahawa tiada larangan dalam pengambilan makanan. Menurut agama Kristian manusia harus mengetahui dan mempunyai pengetahuan mengenai makanan yang diambil dari segi kuantiti dan jenis makanan tersebut. Tiada larangan tidak bermaksud seseorang itu boleh makan sesuka hati. Menurut responden 1, meskipun agama Kristian mengatakan tidak ada larangan dalam konteks pengambilan makanan, namun kesihatan tetap menjadi tanggung jawab setiap orang. Yang menjadi larangan adalah memakan makanan yang tidak baik seperti dadah, gam dan sebagainya yang mengakibatkan kesihatan terjejas. Ini adalah penekanan dalam pengajaran agama Kristian.

Daripada hasil kajian juga, didapati sesuatu makanan itu akan mempengaruhi akhlak seseorang sekiranya makanan yang diambil boleh memudaratkan dirinya atau dari pemakanannya ia akan mempengaruhi orang yang berada di sekitarnya. Menurut responden 3, menunjukkan cara hidup sihat ataupun memberi pandangan yang baik kepada saudara sesama Kristian yang lain untuk dijadikan contoh dan ikutan. Dalam agama Kristian juga ada menyebut, mengenai makanan rohani. Makanan rohani yang dimaksudkan ialah firman Tuhan yang menjadi ajaran dan amalan untuk membentuk akhlak yang baik.

Salah satu persoalan yang sering ditanya bolehkah orang Kristian ialah berkenaan meminum alkohol. Hasil analisis kajian yang telah diperolehi terdapat dua pandangan yang diterima dari jawapan responden-responden yang ditemu bual. Petama iaitu dalam agama Kristian tidak dibenarkan untuk minum alkohol sementara pandangan kedua ialah tiada halangan untuk meminum alkohol, namun begitu tidaklah digalakkan kerana alkohol bukan sahaja boleh mempengaruhi tingkah laku malah menjelaskan kesihatan.

Selain itu, dalam agama Kristian ada jamuan yang akan dijalankan di gereja yang disebut Jamuan Suci iaitu mengingati kematian Tuhan Yesus yang telah mati di kayu salib untuk menebus dosa manusia. Hasil dari analisis yang telah dibuat berdasarkan jawapan yang diberi oleh ketiga-tiga responden, dengan jamuan tersebut ia akan memberi peringatan terhadap umat Kristian akan dosa yang telah mereka lakukan dan tidak akan mengulanginya lagi. Maka dengan demikian, ia dapat mempengaruhi akhlak umat Kristian.

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan hasil analisis dapatan kajian, melalui temu bual dijalankan bersama responden-responden yang dipilih iaitu berkenaan persoalan makanan yang memberi kesan terhadap pembentukan tingkah laku atau sebaliknya menurut perspektif agama Kristian. Akhlak atau tingkah laku merupakan hal yang sangat penting kerana apa yang dimakan boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku dalam kehidupan. Bagi penganut agama Kristian, pengaruh

makanan terhadap tingkah laku bukanlah berdasarkan makanan sama ada halal atau haram, tetapi berkaitan dengan jenis pengambilan makanan yang diambil dan dikaitkan dengan nafsu.

Hasil kajian mendapati, sesuatu makanan yang boleh dan tidak boleh dimakan ia berkait dengan perjanjian lama dan perjanjian baru. Pada zaman sekarang umat Kristian hidup berdasarkan perjanjian baru. Tetapi terdapat aliran Kristian yang lain seperti *Seven Day Adventist* (SDA) masih patuh dan mengamalkan ajaran dalam perjanjian lama iaitu adanya makanan yang halal dan haram. Tetapi bagi penganut agama Kristian yang lain seperti Sidang Injil Borneo (SIB), mereka boleh makan apa sahaja kecuali sesuatu makanan yang boleh memudarangkan kesihatan atau atas sebab-sebab tertentu sesuatu makanan itu dilarang untuk dimakan contohnya seperti makanan untuk penyembahan berhala. Diringkaskan bahawa pengambilan makanan yang boleh mempengaruhi akhlak seseorang adalah berkaitan dengan nafsu. Sekiranya umat Kristian mengawal nafsu makan, makanan tersebut tidak akan memberi kesan yang buruk terhadap tubuh badan sama ada dari segi mental maupun fizikal

## KESIMPULAN

Makanan adalah merupakan keperluan asas bagi manusia untuk meneruskan kehidupan sehari-harian. Makanan adalah sumber tenaga dan pengambilan makanan yang betul mempengaruhi kesihatan manusia. Sekiranya makanan diambil secara berlebihan dan mengambil makanan yang mempengaruhi kesihatan baik secara fizikal atau mental dan luaran atau dalaman ia akan memberi kesan yang buruk terhadap manusia. Makanan juga bukan dilihat dari segi makanan yang dimakan malahan makanan juga dilihat dari aspek rohani iaitu makanan yang boleh membentuk peribadi yang mulia kerana makanan secara rohani merupakan dasar kepada iman manusia. Maka, pengambilan makanan yang betul hendaklah dititiberatkan agar tidak memberi kesan yang tidak baik bukan hanya dari segi kesihatan tubuh badan tetapi dari segi akhlak dan moral manusia.

## RUJUKAN

- Aemy Liza Minhat, (2010). "Makanan Dan Kesan Pemakanan Menurut Perspektif Islam", (Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia)
- Aemy Liza Minhat, (2014). "Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak", (Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia)
- Huzaemah Tahido Yanggo, (2017). "Makanan Dan Minuman Dalam Perspektif Hukum Islam", (Disertasi Ijazah Sarjana, Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Indonesia)
- Jamin Tanhidy, (2014.). *Makna Makan Dalam Perspektif Alkitab*: Suatu Refleksi Bagi Pelaku Bisnis Wisata Kuliner. Semarang: Penerbit Sekolah Tinggi Baptis Indonesia.
- Kamarul Azmi Jasmi, (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor: Institusi Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim.
- Mohd Aris (2012). *Perlaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Ekonomi Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norkumala Awang, (2006). *Makanan Dan Pemakanan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Nurul Huda, (2017). *Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Konsumsi Produk Halal Pada Kalangan Mahasiswa Muslim*. Jakarta: Penerbit Ikatan Akuntan Indonesia Wilayah Jawa Timur.